

RESOLUSI SEMINAR PENDIDIKAN DAN PROFESIONALISME

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ،

والصلاة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى اله وصحبه أجمعين

Bahawa para peserta Seminar Pendidikan dan Profesionalisme yang bersidang di Pusat Persidangan Antarabangsa, mulai 20 hingga 23 Jamadilakhir 1426 bersamaan 27 hingga 30 Julai 2005 melimpahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah Baginda bagi pembukaan rasmi Konvensyen Pendidikan dan Profesionalisme.

Seminar Pendidikan dan Profesionalisme ialah salah satu acara di dalam Majlis Ilmu Perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-59.

Antara perkara yang ditekankan dalam titah perasmian tersebut ialah:

- i. Semua pihak perlu merendah diri untuk mendengar dan menilai segala buah fikiran di dalam konvensyen untuk melihat dan mencari mutiara contoh, tanpa mengira dari mana dan daripada siapa juga datangnya untuk dijadikan bahan pertimbangan dalam agenda pembangunan insan (pembangunan sumber manusia) dan mengintegrasikan pembangunan secara seimbang.
- ii. Majlis Ilmu seperti seminar ini patut dibuat susulan oleh semua pihak sama ada dalam Kerajaan mahupun bukan Kerajaan.

Seminar ini telah berjaya menghasilkan 18 resolusi seperti berikut:

1. Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam mesti dijadikan panduan mendidik akhlak dan menangani semua isu kehidupan.
2. Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan Al-Quran sebagai teras pentadbiran dan pembangunan negara mesti dijadikan aspirasi ke arah bangsa terdidik, profesional dan berakhlak.
3. Pendidikan agama Islam mestilah diutamakan, diamalkan dan dipelihara.
4. Solat mesti dijadikan pasak pendidikan.
5. Pendekatan tasawuf hendaklah dijadikan nilai tambah dalam memantapkan kekuatan beragama.
6. Melayu Islam Beraja (MIB) hendaklah dijadikan tunggak untuk melahirkan ulama dan generasi yang berakhlak mulia.
7. Realisasikan Falsafah Pendidikan Negara untuk memelihara agama, raja, bangsa dan negara.
8. Sistem pendidikan umum dan agama hendaklah dilihat secara berterusan demi meningkatkan keilmuan, profesionalisme dan akhlak bangsa.
9. Penglibatan semua pihak khususnya para ulama dan ibu bapa, hendaklah ditekankan dan dipertingkatkan dalam pendidikan.
10. Pertingkatkan pendidikan dan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi.
11. Pertingkatkan integrasi pelajaran Islam dan sains & teknologi secara seimbang pada semua peringkat persekolahan.

12. Sebaiknya, ulama tidak hanya merupakan ahli tafsir, hadis, fiqah dan tasawuf, malah menguasai juga bidang-bidang ilmu lain yang bermanfaat untuk membolehkan mereka berperanan dalam bidang kenegaraan, pendidikan dan kemasyarakatan.
13. Para profesional mesti berfikiran global tetapi tetap bertindak mengikut acuan tempatan.
14. Bahasa Arab dan Tulisan Jawi hendaklah dijadikan mata pelajaran wajib pada semua peringkat persekolahan.
15. Perteingkatkan kegiatan kokurikulum untuk melahirkan anak bangsa yang berkualiti dari segi rohani dan jasmani.
16. Perteingkatkan peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam mendukung usaha kerajaan ke arah bangsa terdidik, profesional dan berakhlak.
17. Tingkatkan peranan perpustakaan dalam agenda negara untuk mendidik dan meningkatkan profesionalisme, intelektualisme dan sosialisasi anak bangsa.
18. Tingkatkan kerjasama dengan perpustakaan luar negara terutama negara-negara ASEAN.

Wassalam

23 Jamadilakhir 1426 bersamaan 30 Julai 2005